

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 JULY 2017

Bimbang siasatan RCI punca Dr M sokong Anwar

BH - 8/7/2017
Pg. 2

➔ Pusingan 'U' bekas PM untuk
manipulasi fikiran rakyat: Najib

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi**
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tindakan pusingan 'U' Tun Dr Mahathir terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan beliau amat bimbang dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kerugian AS\$10 bilion Bank Negara Malaysia (BNM) ketika pentadbirannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ia jelas kerana Dr Mahathir kini menyokong Anwar sebagai Perdana Menteri selepas berusaha dengan pelbagai cara untuk menamatkan kerjaya politik

bekas Timbalan Perdana Menteri itu selama 20 tahun.

Najib berkata, sokongan Dr Mahathir itu juga bukan berkaitan dengan pilihan raya umum kerana Anwar tidak boleh bertanding pilihan raya mengikut undang-undang.

Pendakwaan jenayah

"Dr Mahathir tahu bahawa hasil siasatan RCI itu boleh membawa kepada pendakwaan jenayah, jadi beliau tidak boleh membiarkan individu penting kepada kes itu seperti Anwar memberi keterangan menentang beliau.

"Ironinya, Dr Mahathir memerlukan Anwar sekarang, individu yang beliau pecat dan penjarakan

sama seperti beliau memerlukan Lim Kit Siang, yang juga beliau penjarakan disebabkan realitinya Kit Siang mengawal pembangkang kerana DAP memiliki kerusi paling banyak di Parlimen sedangkan parti Dr Mahathir hanya satu kerusi," katanya dalam kenyataan, malam tadi.

Justeru, kata Perdana Menteri, perjuangan Dr Mahathir bukanlah kerana kepentingan nasional, sebaliknya hanya untuk menyelamatkan legasi keluarga dan menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri.

Najib berkata, Dr Mahathir tidak mempunyai prinsip dan akan melakukan apa saja termasuk bersengkongkol dengan mereka yang

pernah beliau penjarakan, mengundang campur tangan asing ke negara ini yang berdaulat, mensabotaj ekonomi negara dan melakukan 100 kali pusingan 'U' untuk manipulasi pemikiran rakyat bagi mencapai matlamatnya.

Anwar mungkin terpedaya

"Anwar mungkin terpedaya dengan tindakan ini, tetapi saya percaya rakyat tidak kerana hanya dengan satu kerusi Parlimen, Pengerusi (parti) Pribumi tidak boleh menentukan siapa jadi Perdana Menteri kerana ia amat tidak demokratik," katanya.

Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir mendesak Tun Abdullah Ahmad Badawi meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan kini melakukan perkara sama terhadapnya dan mungkin pengganti beliau kelak tanpa mempedulikan kesan kepada Malaysia.

"Kali kita tidak akan biarkan beliau (Dr Mahathir) berjaya kerana proses demokrasi akan terserlah dan kepentingan negara mengatasi kepentingan keluarga Dr Mahathir," katanya.

Najib berkata, kepentingan rakyat adalah segala-galanya dan kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi, sosial dan keselamatan rakyat.

Katanya, kepentingan rakyat perlu sentiasa diutamakan dan kerajaan akan menunaikan janji itu.



Anwar mungkin terpedaya dengan tindakan ini, tetapi saya percaya rakyat tidak kerana hanya dengan satu kerusi Parlimen, Pengerusi (parti) Pribumi tidak boleh menentukan siapa jadi Perdana Menteri kerana ia amat tidak demokratik"

Najib Razak,
Perdana Menteri

